

25 MAR 1997

ANGGAP SUKAN TIDAK BERKAITAN DENGAN POLITIK, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata persatuan-persatuan sukan dari mana-mana negara atau kerakyatan seharusnya dianggap tidak berkaitan dengan politik.

"(Persatuan sukan) tidak ada kena-mengena dengan politik sama ada ia dari negara yang diiktiraf atau yang sebaliknya," kata Anwar ketika mengulas tunjuk perasaan oleh Pas hari ini kerana membantah kehadiran pasukan kriket dari Israel di negara ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas merasmikan forum perspektif Asean Perancis-Malaysia di sini, Anwar berkata sesebuah persatuan sukan merupakan persatuan sukan semata-mata dan persatuan yang ada di sini sekarang kebetulannya dari Israel.

Kira-kira 1,000 anggota dan penyokong Pas, diketuai Timbalan Yang Dipertuanya Abdul Hadi Awang, mengadakan demonstrasi hari ini untuk mendesak supaya kerajaan membatalkan visa yang diberikan kepada pasukan Israel dan menghantar mereka pulang dengan serta-merta.

Mereka berkumpul di Dataran Merdeka pukul 9 pagi dan kemudian berarak ke Jabatan Perdana Menteri (JPM). Abdul Hadi dan enam pemimpin Pemuda Pas telah menyerahkan memorandum kepada Setiausaha Politik (1) Perdana Menteri Datuk Aziz Shamsuddin di pejabatnya.

Sebelum ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa kerajaan membenarkan pasukan kriket itu masuk ke negara ini untuk menunjukkan kepada Israel bahawa rakyat daripada pelbagai agama boleh hidup bersama dan bahawa orang Islam boleh bekerjasama antara satu sama lain, seperti yang berlaku di Malaysia, tanpa apa-apa pertelingkahan.

-- BERNAMA

MAM NMO